

Membangunkan Modul Stem Haiwan Menggunakan Pendekatan Projek Untuk Kanak-Kanak Prasekolah

ABSTRACT

Pembelajaran STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik) di peringkat prasekolah masa kini tidak kertilihatan dengan jelas. Kajian ini bertujuan membangunkan satu modul STEM haiwan dengan menggunakan pendekatan projek untuk kanak-kanak prasekolah. Pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan pendekatan projek ini menfokuskan kepada aktiviti beberapa haiwan dalam membina tempat tinggal mereka (sarang). Hal ini dipercayai boleh meningkatkan minat kanak-kanak di peringkat awal terhadap STEM kerana aktiviti bertemakan Haiwan sangat sesuai dengan kanak-kanak. Fasa pertama melibatkan aktiviti pengenalan melalui video tentang haiwan. Fasa kedua melibatkan penyiasatan, penyoalan dan pelaksanaan aktiviti iaitu kanak-kanak akan berbincang dengan ibu bapa mereka dengan kolaborasi guru. Fasa ketiga memerlukan kanak-kanak menceritakan aktiviti yang dilaksanakan. Idea yang disampaikan oleh kanak-kanak selaras dengan usaha menjadikan mereka saintis kanak-kanak. Aktiviti ini merupakan satu contoh STEM pendekatan projek yang dapat dilaksanakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri Sabah disebabkan Covid-19 dengan penglibatan guru, ibu bapa dan persekitaran sebagai guru ketiga dalam pendidikan awal kanak-kanak.